



JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN ORANG AWAM DISERANG GAJAH DI KAMPUNG ORANG ASLI PERJEK, RPS LEGAP, SG. SIPUT (U), PERAK

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia mengesahkan telah menerima makluman berhubung kejadian seorang penduduk yang cedera akibat diserang gajah di Kampung Orang Asli Perjek, RPS Legap, Sungai Siput (U), Perak pada 17 Julai 2026, kira-kira jam 10.00 malam.
2. Sejurus menerima makluman tersebut, kakitangan Jabatan PERHILITAN Daerah Sungai Siput telah digerakkan ke lokasi bagi mendapatkan maklumat awal dan menjalankan siasatan. Hasil temu bual bersama penduduk mengesahkan kejadian tersebut berlaku pada hari yang sama kira-kira jam 9.00 malam.
3. Siasatan mendapati sekumpulan gajah dianggarkan sebanyak empat ekor telah memasuki kawasan belakang rumah penduduk dan memakan tanaman ubi kayu serta pisang. Mangsa bersama beberapa orang penduduk kampung telah cuba menghalau kumpulan gajah tersebut. Semasa usaha berkenaan dijalankan, mangsa berada pada jarak yang terlalu hampir dengan kumpulan gajah sebelum tiba-tiba

diserang oleh seekor gajah. Akibat kejadian itu, mangsa mengalami kecederaan, pendarahan serta tidak sedarkan diri. Penduduk kampung berjaya menyelamatkan mangsa dan membawanya keluar dari lokasi sebelum dihantar dengan ambulans ke Hospital Sungai Siput kira-kira jam 10.30 malam. Mangsa kemudiannya dirujuk ke Hospital Raja Permaisuri Bainun untuk menerima rawatan lanjut dan dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

4. Pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN menggunakan dron mendapati kumpulan gajah tersebut telah beredar dari kawasan kampung. Jabatan akan terus memantau pergerakan kumpulan gajah berkenaan dan mengambil tindakan pengurusan yang bersesuaian bagi mengurangkan risiko konflik antara manusia dan hidupan liar di kawasan tersebut.
5. Jabatan PERHILITAN akan membantu waris/ keluarga mangsa untuk mendapatkan bantuan melalui inisiatif Bantuan Mangsa Serangan Hidupan Liar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.
6. Jabatan menasihati orang ramai agar tidak mengambil tindakan sendiri untuk menghalau hidupan liar, khususnya gajah, kerana tindakan tersebut boleh mengundang risiko kepada keselamatan.
7. Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline 1-800-88-5151 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di laman sesawang rasmi www.wildlife.gov.my.

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA
18 JULAI 2026**